

Kenal pasti ‘gajah hitam’, ‘angsa hitam’ demi pastikan kejayaan S’pura

SEBELUM Britain mengundi mahu meninggalkan Kesatuan Eropah (EU) – atau Brexit – Jun lalu, beberapa tinjauan menunjukkan bahawa ia akan menjadi undian sengit.

Namun, pihak Perbendaharaan Britain tidak bersedia menghadapi senario Britain meninggalkan EU itu.

Menyentuh tentang isu itu semasa berucap di ceramah pertamanya selaku Zamil S R Nathan bagi Pengajian Singapura di Institut Pengajian Dasar (IPS), mantan ketua perkhidmatan awam, Encik Peter Ho berkata ia merupakan contoh peristiwa ‘gajah hitam’ – iaitu satu masalah yang jelas kepada semua orang tetapi tiada orang mahu menanganinya dan oleh itu berpura-pura ia tidak wujud.

Beliau berkata peristiwa seperti itu bersilang dengan peristiwa yang jarang berlaku dan sukar diramal, yang dikenali sebagai ‘angsa hitam’.

“Apabila ia meletus menjadi masalah, kita semua buat-buat terkejut dan bertindak seolah-olahnya ia angsa hitam,” ujar Encik Ho yang juga penasihat kanan kepada Pusat Masa Depan Strategik.

Pemerintah hari ini harus berhadapan dengan dunia yang semakin rumit, dengan lebih banyak komponen yang harus ditangani dan ia lebih sukar meramal hasil daripada interaksi antara komponen itu, katanya kepada sekitar 490 hadirin termasuk pegawai pemerintah, ahli aka-



demik dan pelajar di ceramah selama sejam itu.

Bagi mengurangkan risiko tidak berupaya melihat kebenaran dalam sekitaran seperti itu, penggubal dasar harus memikirkan bagaimana mereka boleh membentuk masa depan daripada meramalannya, katanya.

Antara peristiwa yang tidak dijangka Singapura ialah kesan perubahan iklim pada sistem salirannya.

Menyingkap kejadian banjir kilat yang melanda Orchard Road pada 2010, Encik Ho menyatakan semasa sesi soal jawab bahawa pemerintah terlepas tanda amaran awal perubahan iklim.

KERJASAMA BUKAN

BERASINGAN: Encik Ho berkata agensi pemerintah dan kementerian harus bekerjasama dan berkongsi maklumat, bukan menanganinya secara berasingan, semasa menyampaikan ceramah pertamanya selaku Zamil S R Nathan bagi Pengajian Singapura di Institut Pengajian Dasar (IPS) baru-baru ini. – Foto THE STRAITS TIMES

Apabila banjir itu berterusan pula, pemerintah mula mengkaji isu tersebut dan mendapati bahawa suhu yang meningkat menyebabkan hujan lebih lebat.

Ketika itulah mereka sedar bahawa sistem saliran harus dipertingkatkan agar dapat menampung perubahan itu.

“Sesekali, kita akan menghadapi masalah seperti ini. Persoalannya ialah masa yang diambil untuk bertindak,” kata Encik Ho yang menerajui perkhidmatan awam dari 2005 sehingga beliau bersara pada 2010.

Beliau turut menyarankan satu cara menangani keadaan yang semakin rumit itu, iaitu dengan membuat perancangan senario.

Singapura mula melakukan demikian 20 tahun lalu dan kini menjalankan perancangan senario nasional setiap beberapa tahun.

Selain itu, Encik Ho turut menyarankan usaha mengenal pasti peristiwa yang berupaya mengubah cara sesuatu itu biasa dilakukan.

Sejajar dengan itu, Singapura mempunyai sejenis sistem yang menggunakan data besar untuk mengenal pasti trend dan isu yang boleh berubah menjadi kejutan besar.

Namun, dalam menangani isu sedemikian, agensi pemerintah dan kementerian harus bekerjasama dan berkongsi maklumat daripada memisahkan masalah yang dihadapi dan menanganinya secara sendiri, kata Encik Ho.

Beliau akur bahawa pendekatan seluruh pemerintah ini memerlukan anjakan budaya.

“Sering kali, seorang pemimpin harus meleteri (pegawainya) untuk mengingatkan bahawa pendekatan seluruh pemerintah harus didahulukan daripada perspektif dan kepentingan sektor yang sempit,” ujarnya.

Sebab itulah Kumpulan Strategi ditubuhkan di bawah Pejabat Perdana Menteri dua tahun lalu bagi menyelaraskan dasar seluruh pemerintah dan memastikan pendekatan itu diutamakan, kata Encik Ho.